

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JKE 417 – Ekonomi Perindustrian**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab **EMPAT** soalan daripada Bahagian A dan **SATU** soalan daripada Bahagian B. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

**BAHAGIAN A (80 markah)**

Pilih dan jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Mengikut Teori Kos Pengangkutan Weber penempatan sesuatu industri berkait rapat dengan 'sumber bahan' dan juga 'pusat pengguna atau pasaran'. Huraikan teori ini.  
(20 markah)
2. Pertanian mempunyai kelemahan-kelemahan berbanding dengan perindustrian. Oleh itu negara sedang membangun digalakkan berubah kepada perindustrian. Bincangkan DUA kebaikan perindustrian dari sudut sosio-ekonomi negara.  
(20 markah)
3. Pindahan teknologi, umpamanya pelaburan asing (FDI) walaupun memberi kebaikan kepada negara penerima, namun ianya membawa kesan buruk dari sudut ekonomi. Bincangkan TIGA kesan tersebut.  
(20 markah)
4. Nisbah Hutang Ekuiti (NHE) mewakili kedudukan relatif modal yang dipinjam iaitu hutang jangka panjang kepada modal ekuiti atau pemilik. Nisbah ini menunjukkan sejauh mana sumber-sumber jangka panjang syarikat itu dikumpulkan melalui hutang dan sebanyak mana pula sumber-sumber ini dikumpul melalui ekuiti. Jika kadar hutang lebih tinggi daripada ekuiti, maka nisbah hutang ekuiti firma itu akan menjadi tinggi dan sebaliknya. NHE yang tinggi mempunyai keburukan. Bincangkan TIGA kesan buruk sekiranya nilai NHE meningkat tinggi.  
(20 markah)
5. Sebahagian pendapat mencadangkan 'industri intensif buruh' berbanding dengan 'industri intensif modal' adalah lebih baik bagi negara sedang membangun. Bincangkan TIGA sebab mengapa industri intensif buruh lebih sesuai.  
(20 markah)
6. Penswastaan akan meningkatkan 'persaingan' dan 'kecekapan'. Adakah anda bersetuju atau tidak? Hujahkan pendapat anda dengan disokong oleh DUA sebab.  
(20 markah)

**BAHAGIAN B (20 markah)**

Pilih dan jawab SATU soalan sahaja.

1. Bincangkan pengalaman pembangunan perindustrian di Malaysia dari sudut  
pensejarahan dan sosio ekonomi.  
(20 markah)
  
2. Matlamat DEB adalah ke arah pengurangan polarisasi kaum. Bincangkan.  
(20 markah)

-ooo0ooo-